

ENAM SYARAT MENUNTUT ILMU OLEH IMAM AL-SHAFIE R.A DAN KESEDARAN KOMUNITI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Wazzainab Binti Ismail

wazzainab@kuis.edu.my

Dr.Norfaezah Mohd Hamidin

norfaezah@kuis.edu.my

Jabatan Bahasa dan Potensi Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS

Prof. Madya.Dr. Rosni Samah

rosni@usim.edu.my

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Imam Al-Shafie R.A telah menyenaraikan bahawa menuntut ilmu memerlukan kombinasi enam perkara utama; 1- zaka' (kuasa kognitif dan intelektual), 2- hirs (keterujaan dan keazaman), 3- ijthad (kegigihan), 4- bulqah (kemampuan), 5- irsyad ustaz (bimbingan pendidik) dan 6- thol zaman (sepanjang masa). Enam syarat ini juga adalah antara perkara yang penting dalam mempelajari bahasa Arab.Kini bahasa Arab dipelajari sejak peringkat tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah hingga ke peringkat kolej dan universiti.Namun penguasaan bahasa Arab masih lemah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan komuniti terhadap enam syarat menuntut ilmu oleh Imam Al-Shafie R.A dan mengkaji sejauh manakah kesedaran komuniti terhadap pembelajaran bahasa Arab anak-anak mereka. Kajian mencadangkan satu model jalinan pembelajaran bahasa Arab yang digabungkan dengan enam syarat Imam Al-Shafie R.A agar masyarakat memperoleh pengetahuan tentang ilmu pengasas Mazhab Shafie serta berupaya membantu anak-anak dalam pembelajaran bahasa Arab.Kajian kualitatif secara temubual dijalankan kepada responden yang merupakan 10 orang penduduk Bandar Seri Putra, Kajang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mengetahui tentang sebahagian syarat menuntut ilmu tetapi tidak menyedari kaitan syarat tersebut dengan Imam Al-Shafie R.A. Responden mengetahui akan kepentingan belajar bahasa Arab, namun masih berharap panduan daripada ahli akademik agar mereka mampu membantu anak-anak mereka menguasai bahasa Arab

dengan lebih baik. Cadangan model jalinan BahAAS (Belajar Bahasa Arab Ala Al-Shafie R.A) mendapat maklum balas yang baik daripada responden.

Kata kunci: *syarat, Imam Al-Shafie, bahasa Arab, komuniti*

PENGENALAN

Menurut Muhamad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t) Imam Al-Shafie R.A berketurunan Quraish daripada jalur keturunan bapanya. Nasab Imam Al-Shafie R.A bertemu dengan Rasulullah SAW pada Abd Manaf. Beliau adalah pengasas Mazhab Shafie iaitu satu daripada empat mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaa'h. Beliau dilahirkan pada tahun 150 H, pada tahun yang sama dengan kewafatan ulama besar yang hebat iaitu Imam Abu Hanifah (pengasas Mazhab Hanafi). Sampai sebahagian orang mengatakan, "seorang imam telah meninggal dunia dan lahir pula seorang imam yang lain".

Abdul Halim El-Muhammady (2009) menyatakan bahawa Mazhab Shafie berperanan dalam perkembangan pemikiran fiqh kepada masyarakat di Malaysia. Mazhab ini memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat dengan dikembangkan melalui dua saluran; pendidikan dan perundangan. Dikatakan pendakwah yang membawa Islam ke Tanah Melayu adalah dari Hadramaut, Yaman dan Gujerat, India. Pendakwah ini adalah bermazhab Shafie. Kesannya Malaysia menerima Islam bermazhab Shafie yang dapat dilihat dalam kanun negeri-negeri Melayu dan teks-teks pengajian fiqh serta amalan masyarakat.

Jelas Imam Al-Shafie R.A adalah ulama' agung di hati orang Islam di Malaysia. Kehebatan ilmu fekah, tafsir, hadis dan bahasa yang dimiliki beliau sangat hebat dan luar biasa. Maka kajian ini mengambil peluang untuk mendedahkan dan menyebarluaskan kebijaksanaan dan kesungguhan Imam Al-Shafie dalam menguasai bahasa dan ilmu. Kesungguhan Imam Al-Shafie R.A menuntut ilmu tercatat dalam puisi beliau yang menggariskan enam perkara utama. Kajian ini dalam usaha menjelaskan kepada komuniti kehebatan ilmu Imam besar ini serta memberi panduan kepada komuniti cadangan pembelajaran bahasa Arab hasil penelitian puisi Imam Al-Shafie R.A tentang syarat menuntut ilmu iaitu syarat yang boleh diadaptasi sebagai panduan pembelajaran bahasa Arab.

PERNYATAAN MASALAH

Menurut Abdul Halim El-Muhammady (2009) Mazhab Shafie berperanan dalam perkembangan pemikiran fiqh kepada masyarakat di Malaysia. Namun sejauh manakah pengetahuan masyarakat dan komuniti tentang imam yang amat rapat dalam kehidupan seharian. Ini kerana setiap ibadah masyarakat Malaysia berpandukan tatacara Mazhab Shafie. Imam Al-Shafie R.A amat terkenal dalam bidang lain seperti hadis, ilmu al-Quran dan sastera. Bahkan beliau memiliki sebuah himpunan puisi-puisi beliau yang dikumpulkan oleh anak murid beliau. Imam Al-Shafie R.A telah menyenaraikan bahawa menuntut ilmu memerlukan kombinasi enam perkara utama; 1- *zaka'* (kuasa kognitif dan intelektual), 2- *hirs* (keterujaan dan keazaman), 3- *ijtihad* (kegigihan), 4- *bulqah* (kemampuan), 5- *irsyad ustaz* (bimbingan pendidik) dan 6- *thol zaman* (sepanjang masa). Enam syarat ini juga adalah antara perkara yang penting yang boleh diaplikasi dalam mempelajari bahasa Arab. Kini bahasa Arab dipelajari sejak peringkat tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah hingga ke peringkat kolej dan universiti. Namun penguasaan bahasa Arab masih lemah. (Mohd.Zaini, 2012, Abdul Aziz Musa, 1998, Che Kamarudin Kamel, 1999 dan Mohd Fazli Ismail & Mohd Sukki 2012). Oleh itu kajian ini berusaha membantu komuniti mengenali Imam Al-Shafie R.A dan ilmunya. Kajian ini juga akan mencadangkan satu model jalinan pembelajaran bahasa Arab yang digabungkan dengan enam syarat Imam Al-Shafie R.A agar masyarakat memperoleh pengetahuan tentang ilmu pengasas Mazhab Al-Shafie serta berupaya membantu anak-anak dalam pembelajaran bahasa Arab.

KAJIAN LITERATUR

Latar Belakang Imam Al-Shafie R.A dan Kekuatan Bahasa Arab Imam Al-Shafie R.A

Muhamad Abu Zahrah. (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t) mencatat bahawa Imam Al-Shafie R.A berketurunan Quraish dari jalur keturunan bapanya. Nama lengkap Imam Al-Shafie R.A ialah Muhammad bin Idris bin Al-'Abbas bin Usman bin Syafi'i bin Al-Sa'ib bin 'Ubaid bin Abd Yazid bin Hasyim bin Muttalib bin Abd Manaf bin Qusay bin Murrah bin Kaa'b bin Luai bin Qalib bin Fihir bin Malik bin Nadhir bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhir bin Nazzar bin Maad bin Adnan bin Humaisi'. Nasab Imam Al-Shafie bertemu dengan Rasulullah SAW pada Abd Manaf. Darah Quraish yang mengalir di dalam tubuh beliau adalah refleksi kehebatan satu kaum yang sangat mulia dan amat terpengaruh di bumi Arab. Selain mukzijat agung Al-Quran diturunkan dalam bahasa Quraish. Kabilah Quraish adalah nama besar merupakan

gelaran kepada datuk Imam Al-Shafie yang ke 15 iaitu Fihri bin Malik. Fihri mendapat gelaran tersebut sebagai kiasan kepada perkataan Quraish yang berasal daripada nama seekor ikan yang sangat besar seperti ikan paus. Kiasan diberi kepada kaum yang hebat dan mulia, yang menakluk dan menguasai bumi Arab serta penjaga Kaabah sejak sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW. Pendapat lain mengatakan bahawa Quraish bermaksud kembali berhimpun iaitu keturunan yang bertebaran kembali berhimpun.

Khairurrijal Fahmi dan Nuruddin (2014) Arif Karkhi (2015), Muhammad Bin Idris Al-Shafi', Muhamad Abdul Rahim (1997) dan Imil Nasif (1999) mencatat puisi-puisi Imam Al-Shafie dan menzahirkan kekuatan bahasa yang dimiliki beliau. Namun kehebatan bahasa beliau jarang dibincangkan terutamanya di kalangan masyarakat bukan Arab. Oleh itu kajian akan membincangkan rangkap puisi Imam Al-Shafie R.A yang menerangkan tentang syarat menuntut ilmu kemudian dipilih syarat tersebut sebagai panduan pembelajaran bahasa Arab.

Bahan Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab

Menurut dapatan kajian Pusat Pembangunan Akademik UTHM (2011), Modul P&P adalah bahan rujukan pembelajaran yang digunakan bagi sesuatu kursus dan dibangunkan berdasarkan silibus yang telah ditetapkan di peringkat jabatan dan fakulti. Bagi kebanyakan kursus, modul yang dibangunkan menjadi sumber rujukan utama dalam aktiviti P&P. Perkara yang perlu diberi penekanan semasa membangunkan modul P&P adalah berkaitan hasil pembelajaran yang ingin dicapai.

Manakala menurut Suhaila Zailani @ Hj Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Khazri Osman, Zainuddin Ismail, Hakim Zainal (2012) terdapat kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat pelbagai modul dan buku yang telah dihasilkan berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan al-Quran. Antaranya kajian Drs. Rosihon Anwar M Ag (2002), H. Salimudin A. Rahman (2007), Zainuddin Ismail et al. (2010) dan Mohd Puzhi Usop et al. (2010). Modul dan buku-buku adalah antara inisiatif pembelajaran bahasa Arab yang sesuai. Kepelbagaian bahan, modul dan model pengajaran bahasa Arab dapat membantu proses pembelajaran bahasa Arab.

Syarat Menuntut Ilmu Imam Al-Shafie R.A.

Diwan Imam Al-Shafie menyenaraikan kombinasi syarat menuntut ilmu:

1- Zaka' (kuasa kognitif dan intelektual)

- 2- hirs (keterujaan dan keazaman)
- 3- ijtihad (kegigihan)
- 4- bulqah (kemampuan)
- 5- irsyad ustaz (bimbingan pendidik)
- 6- thol zaman (sepanjang masa). Diwan Imam Al-Shafie (1997) pp.378.

Mempelajari bahasa boleh dikiasikan sebagai menuntut ilmu.Maka wasiat Imam Shafie ini sesuai dijadikan sandaran pembelajaran bahasa.

1. Zaka' (kuasa kognitif dan intelektual) iaitu menggunakan meta kognisi dengan niat menuntut ilmu atau bahasa Arab kerana Allah Taala serta memastikan kuasa intelektual digunakan mengikut aturan syariat.Kemampuan intelektual ialah kemampuan mental untuk memperoleh dan mempelajari ilmu dan bahasa.
2. Hirs (keterujaan dan keazaman) iaitu melaksanakan segala bentuk usaha agar ilmu diperoleh atau bahasa dikuasai. Kemahuan yang kuat untuk sesuatu adalah datang dari dalam diri penuntut ilmu.
3. Ijtihad (kegigihan) adalah usaha mencari faktor dalaman dan luaran yang boleh membantu penguasaan ilmu dan bahasa. Seperti yang dilakukan sendiri oleh Imam Shafie apabila beliau sering berulang alik ke kawasan perkampungan Bani Hudzail kerana ingin memperoleh bahasa Arab yang tinggi kesantunan dan peradaban.Faktor dalaman pula lebih merujuk kepada keinginan individu yang jitu untuk memperoleh ilmu dan bahasa.
4. Bulqah (kemampuan) ialah merujuk kepada kemampuan pelajar dalam usaha untuk mencapai ilmu dan bahasa. Kemampuan dari segi fizikal dan materialyang penting dalam dunia pendidikan kini.
5. Irsyad ustaz (bimbingan pendidik, guru atau ibu bapa) iaitu tidak meletakkan bahawa ilmu yang diperoleh adalah hak mutlak seseorang. Pelajar amat memerlukan bimbingan pendidik dan ibu bapa dalam pembelajaran bahasa Arab.Pelajar hendaklah menghormati guru dan ibu bapa dalam menelusuri alam pengajian.Ibu bapa juga perlu sedar bahawa pembelajaran anak-anak amat memerlukan kerjasama dan komitmen ibu bapa demi kejayaan anak-anak.
6. Thol zaman (sepanjang masa). Iaitu berterusan mengaplikasi ilmu dan bahasa serta menjauhi diri daripada perkara yang sia-sia. Syarat ini sebenarnya menjawab bahawa ilmu itu tiada had masa. Belajar bahasa bukan hanya untuk lulus peperiksaan. Ilmu juga sepatutnya menjadikan seseorang itu lebih baik budi dan akhlak.

Peranan Komuniti dalam Proses Pembelajaran Bahasa Arab

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Adnan Mat Ali & Muhammad Firdaus Abdul Manaf (2014), di kalangan pelajar IPTA terpilih di Malaysia, faktor yang menyebabkan kelemahan berbahasa Arab adalah kerana kurang menguasai *Nahw* dan *Sarf*. Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian ini dijalankan mendapati kekangan dan juga halangan yang dihadapi oleh pelajar mengikut peratusan terbanyak adalah mengikut susunan berikut: 1-Tidak menguasai ilmu Nahw dan Sarf, 2-Kurang kosa kata Arab, 3-Malu, 4-Tiada suasana yang memberangsangkan. 5-Tiada dorongan dan semangat daripada yang lain. Dorongan yang dinyatakan termasuk peranan komuniti iaitu ibu bapa dalam usaha membantu pembelajaran anak-anak.

Bacaan item dorongan ibu bapa terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kajian bertajuk Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Araboleh Abdul Hakim, Ab.Aziz dan Wan Ismail (2015) adalah tinggi. Ini menunjukkan keberkesanan pembelajaran anak-anak amat berkait rapat dengan peranan komuniti iaitu ibu bapa pelajar.

Manakala Wan Sakiah, Kamarulzaman dan Maimun (2014) dalam kajian Persekitaran Pembelajaran Kefahaman Bacaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid J-Qaf menyatakan tentang kepentingan peranan ibu bapa dalam pembelajaran bahasa Arab anak-anak. Di samping terdapat kajian-kajian lepas berkenaan persekitaran pembelajaran yang terdiri daripada beberapa aspek antaranya: peranan guru, ibu bapa dan masyarakat setempat iaitu kajian Majdah (2011), Mohd Aderi (2008), Shamsina (2006) dan Sharifah Fatimah (2002) yang dinyatakan dalam kajian Wan Sakiah, Kamarulzaman dan Maimun (2014).

Secara amnya dilihat bahawa kreativiti pembelajaran bahasa Arab perlu berterusan. Kajian ini mengambil inisiatif memberi maklumat tentang ilmu Imam Al-Shafie R.A dan membantu komuniti untuk bersama berusaha meningkatkan pencapaian anak-anak dalam pembelajaran bahasa Arab.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi:-

1. Mengenal pasti pengetahuan komuniti terhadap latar belakang dan ilmu Imam Al-Shafie R.A.
2. Mengenal pasti kesedaran komuniti terhadap pembelajaran bahasa Arab anak-anak mereka.

3. Mencadangkan model BahAAS (Belajar Bahasa Arab Ala Al-Shafie) untuk membantu komuniti dalam pembelajaran bahasa Arab anak-anak mereka berdasarkan syarat Imam Al-Shafie R.A.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif secara temubual dijalankan kepada responden yang merupakan 10 orang komuniti Bandar Seri Putra, Kajang. Jadual 1. menunjukkan dapatan analisis temubual.

Item Temubual	Analisis Temubual Responden										
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	R8	R9	R10	
Item Temubual berkaitan Latar belakng dan ilmu Imam Al-Shafie R.A.											
1. Berikan nama penuh Imam Al-Shafie R.A.	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Muhamad Idris
2. Jelaskan keturuna	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Nabi		Nabi dan dikebu

n Imam Al-Shafie R.A.										mi di Mesir
3. Senaraikan ilmu Imam Al-Shafie R.A.	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Usul Fiqh, b.Arab	Fikah, ibadah
4. Tahukah anda bahawa Imam Al-Shafie R.A mempunyai Diwan (buku puisi)?	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tahu	Tidak pasti
Item Temubual berkaitan Pembelajaran bahasa Arab	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	R8	R9	R10
1.	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya,	Ya

Adakah bahasa Arab penting dalam kehidupan.									untuk faham agama .	sangat penting
2. Apakah masalah pembelajaran bahasa Arab anak-anak.	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Tak tahu	Pengajaran tidak membantu praktikal.	Masalah nahu yang kompleks
3. Apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk anak-anak menguasai bahasa Arab	galkan	bantu	suruh baca	suruh belajar	suruh baca	suruh belajar	suruh baca	suruh belajar	Cari guru yang sesuai . Pergi kelas luar.	Cari guru yang boleh berbahasa dan tahu teknik pengajaran
4. Senaraikan 10 perkara penting untuk belajar	usaha	baca	baca	usaha	semangat	baca	baca	usaha	Rendah diri, lapangan dada, latihan otak,	Minat, bahasa Quran, bahasa syurga, bahasa yang

bahasa Arab.									beradab, ulang kaji, buat nota sendiri, bertanya, berani kongsi ilmu dan tawakal.	indah, bahasa komunikasi.
Item Temubual berkaitan Cadangan Model Bahasa Arab Ala Al-Shafie R.A)	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	R8	R9	R10
Pandangan anda tentang Model	Menarik	Menarik	Menarik	Menarik	Menarik	Menarik	Menarik	Menarik	Menarik	Menarik

BahAAS (Belajar Bahasa Arab Ala Al- Shafie)										
--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Jadual 1. Bacaan Item Temubual terhadap Pengetahuan Komuniti tentang latar belakang dan ilmu Imam Al-Shafie R.A serta Isu Pembelajaran bahasa Arab.

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat persamaan yang ketara antara R1 (Responden 1) hingga R8 (Responden 8). Ini disebabkan latar belakang mereka yang sama iaitu suri rumah. Ada sebahagiannya bekerja, tetapi pekerjaan mereka tidak berkaitan pendidikan. Latar belakang ini antara faktor responden kurang berminat untuk menjawab soalan.

Terdapat perbezaan pada R9 dan R10 berbanding R1-R8 ini disebabkan R9 dan R10 kedua-duanya berpendidikan tinggi. Oleh itu jawapan mereka lebih konkrit dan lengkap, bahkan mereka amat berminat untuk berkongsi pandangan tentang Imam Al-Shafie R.A dan pembelajaran bahasa Arab.


Model BahAAS (Belajar Bahasa Arab Ala Al-Shafie) yang direka dan dikongsi bersama responden mendapat maklum balas yang baik. Penyelidik menghasilkan model yang berupaya menzahirkan sedikit latar belakang Imam Al-Shafie R.A dan ilmu beliau yang berkaitan syarat menuntut ilmu. Syarat menuntut ilmu tersebut digunakan sebagai syarat pembelajaran bahasa Arab. Model BahAAS dipaparkan kepada responden dengan menggunakan aplikasi *ED Edraw Mind Master* dan *MS Word Smart Art*. Aplikasi *ED Edraw Mind Master* adalah lebih jelas paparannya melalui perisian asalnya atau melalui *Photo Viewer*. Batasan kajian menyebabkan penyelidik hanya mampu berkongsi Model BahAAS melalui aplikasi *What'sapp* dan meminta pandangan mereka berkaitan model tersebut.



Rajah 1. Model BahAAS dalam aplikasi ED Edraw Mind Master



Rajah 2. Model BahAAS dalam aplikasi MS Word Smart Art



Rajah 3. Penerangan Enam Syarat Menuntut Ilmu oleh Imam Al-Shafie RA dalam aplikasi MS Word Smart Art.

PERBINCANGAN KAJIAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mengenali Imam Al-Shafie R.A. sebagai pengasas Mazhab Shafie tetapi pengetahuan mereka masih kurang tentang latar belakang serta ilmu beliau. Responden mengetahui sebahagian syarat menuntut ilmu tetapi tidak mengetahui kaitan syarat tersebut dengan Imam Al-Shafie R.A. Responden mengetahui akan kepentingan belajar bahasa Arab, namun masih berharap panduan daripada ahli akademik agar mereka mampu membantu anak-anak mereka menguasai bahasa Arab dengan lebih baik. Cadangan model jalinan BahAAS (Belajar Bahasa Arab Ala Al-Shafie R.A) mendapat maklum balas yang baik daripada responden. Model BahAAS masih diperingkat rekaan awal. Penyelidik berharap model ini mampu mewarnai proses pembelajaran anak-anak komuniti. Kajian ini berusaha untuk menjalinkan hubungan antara dunia pendidikan dan masyarakat umum. Oleh itu disarankan lebih banyak kajian yang akan dilaksanakan melibatkan komuniti masyarakat demi suasana harmoni dunia pendidikan anak-anak bangsa.

RUJUKAN

- Abdul Azizi Musa. 1998. Pengajaran Nahu Bahasa Arab; Satu Kajian Kes di Maahad Muhammadiyah, Kota Bharu, Kelantan .69-70.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah. 2015. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari ISSN 2289 6325 Bil.10 2015.
- Abdul Halim El-Muhammady (2009). Pengaruh Mazhab Syafie di Malaysia. Dicapai pada: 20/3/2017. <https://epondok.wordpress.com/2009/10/17/pengaruh-mazhab-syafie-di-malaysia/>
- Adnan Mat Ali, Muhammad Firdaus Abdul Manaf .Kekangan Bertutur Dalam Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar BASL. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014). Kuala Lumpur. 17-18 November 2014.
- Al-Baihagi, Abu Bakr. (1970). Manaqib Al-Shafie. Kaherah: Maktabah Turath.
- Al-Jundi, Abdul Halim. (1966). Al-Imam Al-Shafie Nasiru Al-Sunnah wa Wadhi' u Al-Usul. Beirut: Dar Al-Qalam
- Al-Nashrati, Hamzah. Farqhali, Al-Hafez. Mustafa, Abd Hameed. (t.t).
- Al-Razi, Fakhruddin. (1953). Adab Al-Shafie wa Manaqibuhu. Beirut: Dar Kutub Al-Ilmiyyah.
- Arif Karkhi Abu Hudhair (2015). Al-Imam Al-Shafi'e Syaeran, Jurnal Berwasit Antarabangsa: Jurnal Al-Shafi'i. Bil. 1, Jan-Jun 2015. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali. ISBN: 978-99917-65-20-4. (127-155)
- Che Kamarudin Kamel Che Muhammad. 1999. Satu Kajian Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Arab. 70-74.
- Imil Nasif (1999) Min Arwaa' Ma Qala As- Shafie (Among Beautiful Words of Imam As Shafie) Beirut: Dar Al-Jael.
- Jawatan kuasa Pembangunan Modul P&P UTHM. (2011). Garis Panduan Pembangunan Modul Pembelajaran dan Pengajaran Universiti. Pusat Pembangunan Akademik UTHM.
- Khairurrijal Fahmi Dan Nuruddin (2014) Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Syair Imam Al-Syafi'i (Kajian Struktural Genetik) Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban, Vol . 1, Bil .2 Dis 2014.
- Lovememoir. Blogspot. (2010). Jadual Kabilah Quraish. Dicapai pada 25/3/2017. <http://lovelymemoir.blogspot.my/2012/03/from-adam-to-muhammad-descendants-of.html>

- Mohd Fadzli Ismail & Mohd Sukki Othman. 2012. Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab: Satu tinjauan di SMAP Kajang. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12).
- Mohd Zaini Sejo. 2012. Penekanan Ilmu Morfologi dalam Buku Teks Bahasa Arab Kurikulum Baru Sekolah Menengah. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12).
- Muhamad Abu Zahrah. (1978). *As-Syafie: Hayatuhu wa a'sruhu- Ara uhu wa fiqhuhu* (2nd ed) Beirut: Dar al Fikr Arabi.
- Muhammad Bin Idris Al-Shafi'. Muhamad Abdul Rahim (1997) *Diwan Al-Imam As-Syafie* (1st ed), pp: 378. Beirut: Dar Al Fikr. <http://www.startimes.com/?t=26248119> Penerangan puisi Imam Al-Shafie. Dicapai pada 5 Jan 2018.
- Suhaila Zailani @ Hj Ahmad, Saliyah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Khazri Osman, Zainuddin Ismail, Hakim Zainal. 2012. Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Disunting Oleh: Mohd Shukari Hamzah, Khazri Osman, Moktar Hussain, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Saliyah Ab. Ghani, Hakim Zainal & Zainuddin Ismail. © Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. ISBN 978-967-5478-49-9. <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>.
- Wan Sakiah Wan Ngah, Kamarulzaman Abdul Ghani, Maimun Aqsha Lubis Persekitaran Pembelajaran Kefahaman Bacaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid J-Qaf. The Online Journal Of Islamic Education Special Issue Of Iced2014.